

mode



Nur Aimi biak cicak Gecko

Bermula dengan seekor kini jumlahnya bertambah 180 ekor

hobi

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI
airunnisa.alau@utusan.com.my

JIKA anda pernah menonton cerita kartun cicak Oscar's Oasis, pastinya anda akan tertarik dengan karakter lucu cicak Gecko yang cuba untuk terus hidup di padang pasir bersama rakan-rakannya lain.

Namun siapa sangka, karakter cicak itu rupa-rupanya sama seperti perlakuan haiwan berkenaan di alam realiti kerana cicak Gecko merupakan sejenis haiwan yang sangat aktif dan mempunyai wajah senyum (*smiley face*).

Cicak Gecko merupakan haiwan reptilia berasal dari Pakistan yang habitatnya adalah di gurun gersang serta memerlukan cuaca panas dan lembap.

Rupanya yang seolah-olah sedang tersenyum itu menjadi antara faktor mengapa ramai yang mula menjadikan haiwan reptilia tersebut sebagai haiwan peliharaan.

Antara yang meminati haiwan itu, **Nur Aimi Mohd. Zabidi**, 22, yang mula membela cicak Gecko sejak enam tahun lalu kerana minat yang terlalu mendalam.

Biarpun pada awal ditegah ibu bapanya, dia nekad untuk membela cicak Gecko dan cicak pertama yang dibeli berharga RM180 diberi nama Agumon.

Dari tahun ke tahun mengumpul pelbagai jenis corak dan warna cicak Gecko, jumlah haiwan berkenaan telah mencecah lebih 180 ekor dengan hampir kebanyakannya dibuat sendiri, sebagianya pula dibeli daripada pembiak haiwan itu dari seluruh negara.

Malah, ujarnya dia pernah membeli haiwan itu dengan harga RM3,000 seekor kerana terlalu suka kepada corak dan warna, serta baka haiwan tersebut yang sangat cantik dan unik.

“Saya sangat gemarkan haiwan reptilia, jadi saya memang ingin menjadikan



NUR AIMI MOHD. ZABIDI (dua dari kiri) bersama bersama keluarga gemar menghabiskan masa bermain dengan cicak Gecko peliharaan mereka.

haiwan itu sebagai salah satu haiwan peliharaan. Ketika itu saya rasa cicak Gecko paling senang untuk dibela berbanding reptilia lain seperti ular.

“Selepas membeli cicak tersebut, tidak sangka pula keluarga menerima walaupun ibu dan bapa awalnya agak keberatan. Kini minat tersebut memberi pendapatan sampingan kerana ramai mahu membeli cicak yang kami biak,” katanya ditemui di rumah keluarganya di Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

Menurut pelajar jurusan Akuakultur dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, orang tuanya tidak menyukai minat tersebut kerana gelis dengan haiwan itu, namun dek menghormati minat Nur Aimi, akhirnya mereka akur.

Lebih menarik, ibunya, Saliza Abdul Aziz, 49, yang dahulunya langsung tidak boleh melihat dan memegang haiwan itu, akhirnya jatuh cinta pada cicak Gecko selepas terpaksa memberi makan dan mengemasakan sarang haiwan itu jika Nur Aimi tidak berkesempatan.

Bahkan jelas Nur Aimi, ibunya kini lebih mahir menjaga haiwan itu dan menjadi antara pembiak cicak Gecko berkualiti di negara ini.

“Kalau diingatkan dahulu memang rasa kelakar kerana ibu memang tidak suka cicak Gecko, kini dia yang tidak dapat menahan untuk membeli dan mencari baka-baka terbaik cicak tersebut.

“Malah, ibu saya juga tidak pernah ketinggalan untuk mengikuti mana-mana pertunjukan haiwan serta memberi tunjuk ajar di laman sosial jika ada yang bertanya tentang cicak Gecko,” katanya sambil ketawa.

Anak ketiga daripada empat beradik itu memberitahu, cuaca panas dan lembap sepanjang tahun di Malaysia menjadikan haiwan itu amat sesuai dibela di negara ini.

Penjagaannya tidak sukar, bagaimanapun bagi memastikan cicak itu dapat hidup lama, pemiliknya perlu memastikan suhu habitat binatang tersebut tidak terlalu sejuk.

Tambahnya lagi, soal kos pula tidak menjadi masalah kerana dia hanya memperuntukkan sebanyak RM100 sebulan bagi membeli makanan untuk kesemua 180 ekor cicak Gecko.

“Cicak ini gemar makan cacing jenis mealworms serta cengkerik. Lazimnya cicak ini makan sekitar tiga hari sekali, manakala untuk anak cicak perlu diberi makan setiap hari.

“Tiada masalah untuk kami meninggalkannya di rumah jika mahu bercuti panjang kerana haiwan itu boleh bertahan.

“Setiap bulan biasanya hampir dua kilogram cacing perlu dibeli selain nutrisi tambahan lain agar cicak sentiasa sihat dan cukup zat,” jelasnya.

Bagaimanapun, penjagaan kesihatan haiwan ini perlu dititikberatkan kerana mudah diserang sejenis penyakit, *cryptosporidiosis*, yang berkaitan dengan usus dan boleh menyebabkan hilang selera makan dan akhirnya akan mati.

Julai hingga Januari merupakan musim mengawan dan lazimnya haiwan itu mampu bertelur sehingga 10 biji dan mengambil masa sekitar seminggu hingga 20 minggu untuk menetas.

Menurut Nur Aimi, setiap cicak yang dibeli perlu mempunyai kualiti yang terbaik sama ada dari segi corak, warna, baka serta kesihatan haiwan berkenaan.

Akuinya, sejak membeli cicak Gecko, dia telah membiakkkan beratus-ratus ekor daripada pelbagai jenis warna dan corak, ada yang telah dijual sehingga mencecah RM2,000 seekor.

“Harga seekor cicak bergantung kepada jenis dan kombinasi yang ada pada cicak itu dan lazimnya untuk cicak bercorak biasa pemintat haiwan ini boleh membeli dengan harga serendah RM150.

“Kita juga hanya menjual anak cicak yang sudah mencecah usia dua bulan kerana jika terlalu awal bimbang haiwan terbabit mati ekoran tidak dijaga dengan betul,” ujarnya.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang cicak Gecko boleh melayari laman Facebook *The Fabulous Gecko*.